

BAB 2

PROFIL PULAU TUBA

2.1 Pendahuluan

Bab ini memberi gambaran umum tentang latar belakang Pulau Tuba. Tumpuan perbincangan meliputi lokasi Pulau Tuba, aspek sejarah Pulau Tuba, kependudukan, kemudahan asas, dan pendidikan di samping memberi kefahaman mengenai organisasi keluarga, organisasi ekonomi, dan organisasi sosial.

2.2 Lokasi Kawasan Kajian

2.2.1 Langkawi

Langkawi adalah kumpulan pulau yang terletak di utara Semenanjung Malaysia, iaitu di Negeri Kedah. Kedudukannya ialah di antara garis lintang $6^{\circ}10'$ utara hingga $6^{\circ}30'$ utara dan garis tegak $99^{\circ}35'$ timur hingga 100° timur. Jarak Langkawi lebih kurang 30 kilometer dari Kuala Perlis dan sekitar 51.5 kilometer dari Kuala Kedah.


Langkawi dibahagikan kepada enam mukim dan diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Langkawi (MDL). Mukim-mukim tersebut ialah:

- (i) Mukim Kuah
- (ii) Mukim Padang Mat Sirat
- (iii) Mukim Ayer Hangat
- (iv) Mukim Ulu Melaka
- (v) Mukim Bohor
- (vi) Mukim Kedawang

Keluasan Langkawi ialah 47,848 hektar dengan 57 peratus (25,046.4 hektar) adalah kawasan bukit dan hutan simpanan.

Langkawi, terkenal dengan 'Lagenda Mahsuri', muncul sebagai destinasi pelancongan ternama, terutama selepas diistiharkan sebagai Kawasan Bebas Cukai (Duty-Free Area) pada 1 Januari 1987. Perkembangan industri pelancongan yang pesat menyebabkan pulau lagenda ini membangun dalam masa yang singkat. Namun, program pembangunan hanya tertumpu di Pulau Langkawi dan mengenepikan pulau-pulau lain yang berpenghuni, antaranya Pulau Tuba. Tambahan pula dalam masa yang sama kerajaan cuba memperkenal dan mengekalkan ciri-ciri tradisional masyarakat setempat untuk mewujudkan suasana kampung yang sesuai untuk pelancong.

Peta 2.1
Langkawi



2.2.2 Pulau Tuba

Pulau Tuba adalah sebuah pulau dari 104 buah pulau yang terdapat di Langkawi. Tidak ramai mengetahui kewujudan pulau kecil yang terpencil ini. Kajian tentang masyarakat Melayu Pulau Tuba belum pernah dilakukan, malah tidak terdapat data-data yang lengkap tentang pulau ini.

Dari segi pentadbiran, Pulau Tuba terletak dalam mukim Kuah. Keluasan Pulau Tuba ialah 99 kilometer persegi dengan permukaan tanah yang berbukit-bukit dan tanah berhampiran pantai yang agak rata dan landai. Kawasan pulau dipenuhi tumbuhan-tumbuhan seperti rumput, pokok-pokok renek dan saka. Hampir 504 hektar kawasan pulau diliputi hutan. Kawasan pantainya berpasir, berlumpur dan berbatu-batu serta mengalami keadaan air surut sehingga 400 hingga 500 meter dari pantai.

Jarak Pulau Tuba ialah 10 kilometer dari jeti Kuah dan mengambil masa lebih kurang 30 minit perjalanan dengan menggunakan bot penambang,¹ iaitu

¹ Terdapat 6 buah bot kayu milik penduduk tempatan yang memberi perkhidmatan pengangkutan dari Jeti kuah ke Jeti Pulau Tuba dan sebaliknya. Perkhidmatan ini beroperasi dari 6 pagi hingga 6 petang. Kadar bayaran untuk perjalanan sehala ialah RM2.00.



- | | | | |
|--|------------------|--|--------|
| | Jeti/Pengkalan | | Getah |
| | Jaringan Listrik | | Padi |
| | Jalan | | Masjid |

Deta 2.2
PULAU TUBA

bentuk perkhidmatan pengangkutan tunggal yang menghubungkan Pulau Tuba dengan Pulau Langkawi. Pulau Tuba tersisih dari dunia luar oleh faktor geografi, tambahan pula di Pulau ini tidak ada faktor tarikan sebagai destinasi pelancongan. Aliran keluar masuk hanya berlaku di kalangan penduduk yang berulang alik sama ada ke Pulau Langkawi atau ke tanah besar.² Hubungan dengan bandar terjadi akibat membeli barang dan perkhidmatan, melawat saudara mara dan perhubungan dengan agensi kerajaan. Sesekali dilihat kakitangan kerajaan datang ke Pulau Tuba atas urusan kerja dan kadang kala saudara mara membuat kunjungan terutama apabila terdapat majlis perkahwinan atau kematian.

Berdasarkan kepada ciri-ciri fizikal dan sosial, Pulau Tuba dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu:

1. Selat Bagan Nyior

Bahagian ini terletak di Pulau Dayang Bunting, tetapi dari segi pentadbiran masih di dalam kawasan Pulau Tuba. Bahagian ini terpisah dari Pulau Tuba oleh sebuah selat, iaitu Selat Bagan Nyior.

² Tanah besar merujuk kepada bahagian daratan Semenanjung Malaysia. Jika mereka pergi ke Alor Setar mereka merujuk sebagai Pergi Kedah.


2. Balik Bukit

Bahagian ini terdiri dari Kampung Bagan Pauh, Kampung Lubuk Cempedak dan Kampung Bagan Asam.

3. Tepi Laut atau Tuba

Bahagian ini mengandungi beberapa buah kampung, antaranya Kampung Tuba, Kampung Lubuk Etok, Kampung Telok Bujur dan Kampung Telok Berembang.

Balik Bukit dan Tuba Tepi Laut terletak dalam Pulau Tuba, tetapi terpisah oleh banjaran bukit. Kemuncak tertinggi mencapai 839 kaki. Walaupun terdapat jalan yang menghubungkan kedua-dua bahagian ini, tetapi keadaan jalan yang curam dan merbahaya menyulitkan lagi perhubungan. Jalan berturap yang menghubungkan kedua-dua bahagian hanya dibina pada tahun 1987. Begitu juga dengan perkhidmatan pengangkutan air yang menghubungkan Balik Bukit dan Tuba dengan Pulau Langkawi menggunakan jeti yang berlainan, yakni jeti Balik Bukit terletak di bahagian barat pulau manakala jeti Tuba terletak di bahagian timur pulau.



- [□] Rumah Responden
- [?] Kawasan Getah
- [■] Samar Padi
- [=] Jalan
- [F] Jeti

Peta 2.3
Kawasan Kajian

Dalam kehidupan sosial, ketiga-tiga bahagian ini adalah terpisah. Untuk tujuan kajian, penumpuan hanya diberikan kepada bahagian Tuba Tepi Laut kerana bahagian ini menempatkan hampir 70 peratus daripada keseluruhan penduduk Pulau Tuba.³

2.3 Sejarah Pulau Tuba

Masyarakat yang kecil ini telah wujud selama enam generasi oleh keadaan keterasingan. Tok Bagus dan rombongannya dari Padang Tama, Ulu Melaka di Pulau Langkawi datang ke pulau kecil yang terpencil ini dengan tujuan memungut hasil hutan. Beliau tidak pernah merancang untuk tinggal lama. Langkahnya cuma langkah sementara dengan membina pondok kecil dari bahan-bahan tempatan (dangau), guna berteduh buat beberapa hari sambil mengutip dan mengumpul getah damar yang diperolehi dari pokok meranti. Walau bagaimanapun, akhirnya timbul pula pandangan jangka panjang untuk tinggal menetap bersama keluarga masing-masing.

Pada tahap awal, terdapat lebih kurang tujuh buah keluarga. Bilangan keluarga semakin meningkat ekoran kemasukan orang-orang Islam dari Selatan Thailand,

³ Untuk perbincangan seterusnya, kawasan kajian disebut sebagai Pulau Tuba.

orang-orang Melayu dari beberapa bahagian pesisir pantai Perlis dan Pulau Pinang, penduduk dari Pulau Langkawi, di samping pengembangan keluarga yang sedia menetap di sini.

Sekali pun asal-usul mereka berbeza, namun dalam jangka masa yang singkat mereka telah mempunyai satu identiti sendiri, iaitu sebagai 'Orang Tuba'.

Sekitar tahun 1948, Pulau Tuba menerima kemasukan beramai-ramai kaum Cina. Walau bagaimanapun tidak dapat dipastikan jumlah sebenar mereka. Menurut keterangan penduduk tempatan, jumlah pendatang Cina mencapai ke angka ratusan sehingga terdapat sebuah Tokong Cina untuk keperluan mereka beribadat. Ramai di antara orang-orang Cina dibawa masuk oleh tauke Cina yang telah sedia menjalinkan hubungan baik dengan penduduk tempatan. Mereka dibawa masuk sebagai tenaga buruh untuk bekerja di belat pok,⁴ iaitu kaedah penangkapan ikan yang baru diperkenalkan oleh tauke Cina. Selain menjalankan kehidupan harian sebagai nelayan, ada di antara mereka atau anggota keluarga mereka terlibat dengan perniagaan dengan membuka kedai runcit dan bertindak membeli hasil-hasil laut nelayan tempatan.

⁴ Belat Pok adalah sejenis alat yang menggunakan pancang kayu yang ditanam berbaris di dalam laut atau juga dikenali oleh penduduk tempatan sebagai rumah ikan.

Namun, keharmonian hidup berbilang kaum di Pulau Tuba tidak kekal lama. Persengketaan kaum berikutan Peristiwa 13 Mei (1969) menyaksikan orang-orang Cina lari meninggalkan Pulau Tuba. Pengaruh perasaan prajudis orang Melayu terhadap kaum Cina berpunca daripada pengalaman sebilangan nelayan Melayu dari Pulau Tuba sewaktu singgah di beberapa buah pengkalan nelayan sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai untuk mendapatkan bekalan minuman dan makanan. Pada ketika itu ramai di antara nelayan dari Pulau Tuba bekerja dengan bot pukat tunda sama ada sebagai tekong atau awak-awak. Ada di antara mereka menghadapi ancaman bunuh daripada orang-orang Cina ketika singgah di pengkalan yang juga merupakan perkampungan orang-orang Cina. Ekoran daripada pengalaman tersebut, prasangka dan kebencian terhadap kaum Cina menular di kalangan orang Melayu di Pulau Tuba. Menurut keterangan informan berbangsa Cina⁵ yang pernah tinggal di Pulau Tuba ketika itu, menyatakan bahawa mereka terpaksa meninggalkan Pulau Tuba kerana bimbangkan keselamatan diri dan keluarga mereka berikutan ancaman dan ugutan yang berterusan daripada sebilangan penduduk Melayu. Rumah-rumah milik orang Cina dijual dan diambil alih oleh orang-orang Melayu bahkan, bangunan

⁵ Informan ini ditemui ketika beliau datang ke Pulau Tuba untuk menyampaikan hasratnya membeli semula kedai yang pernah dimilikinya suatu ketika dulu sebagai lambang nostalgia.

kedai yang ada pada hari ini, asalnya adalah milik peniaga-peniaga berbangsa Cina.

2.4 Kependudukan

Jumlah penduduk dalam kawasan kajian ialah seramai 1926 orang dengan 280 buah rumah tangga dan keseluruhannya terdiri daripada orang Melayu.

Jadual 2.1: Bilangan Rumah Tangga Mengikut Kampung Tahun 1992

Nama Kampung	Bilangan Rumah Tangga
Tuba	80
Lubuk Etok	78
Telok Berembang	58
Telok Bujur	64
Jumlah	280

Dalam kajian ini sejumlah 73 buah keluarga iaitu 26 peratus daripada jumlah keseluruhan keluarga di tempat kajian diambil sebagai responden. Responden yang dipilih terdiri daripada suami dan isteri⁶ dalam sesebuah

⁶ Walaupun dalam sesebuah keluarga hanya suami dan isteri dipilih sebagai responden, tetapi semasa temubual dijalankan 40 buah keluarga (55 peratus) disertai oleh anak-anak dalam lingkungan umur dua minggu hingga 18 tahun. Soalan-soalan sampingan diajukan kepada anak-anak untuk diambil sebagai contoh kes.

keluarga. Hanya sebuah keluarga sahaja terdiri dari ibu dan anak dipilih sebagai responden, iaitu isteri yang telah kematian suami. Ketika kajian dilakukan, responden adalah dalam lingkungan umur 23 tahun hingga 78 tahun. Pemilihan keluarga sebagai responden dilakukan secara rawak mudah, berdasarkan senarai keanggotaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba bagi tahun 1991.

Jadual 2.2: Taburan Responden Mengikut Umur dan Jantina

Kumpulan umur (Tahun)	Lelaki	Perempuan
20-29	7	12
30-39	13	30
40-49	26	17
50-59	11	10
60-69	10	4
70 ke atas	6	-
Jumlah	73	73

Dari segi pendidikan, didapati ramai di antara responden, iaitu 79 peratus responden lelaki dan 55 peratus responden wanita memperolehi pendidikan rendah sehingga darjah enam sahaja. Hanya sebilangan kecil responden lelaki yang berpeluang mendapat pendidikan menengah (6 peratus) berbanding responden wanita (42

peratus). Sementara 15 peratus (responden lelaki) dan 3 peratus (responden wanita) lagi tidak pernah menerima sebarang pendidikan formal (lihat jadual 2.3).

Jadual 2.3: Taraf Pendidikan Responden Tahun 1992

Taraf pendidikan	Lelaki	Peratus	Perempuan	Peratus
Tidak Pernah Bersekolah	11	15	2	3
Darjah 1 hingga 6	58	79	40	55
Tingkatan 1 - 3	2	3	18	25
Tingkatan 4 - 5	2	3	12	16
Tingkatan 6	-	-	1	1
Jumlah	73	100	73	100

Dari segi pekerjaan dan pendapatan, hanya dikemukakan data tentang Ketua Keluarga sahaja. Ini memandangkan keluarga di tempat kajian hanya berpendapatan tunggal, iaitu hanya lelaki yang bekerja untuk mencari pendapatan.

Dari segi pekerjaan, 85 peratus daripada responden bekerja sebagai nelayan. Bagi responden yang tidak terlibat dengan aktiviti sebagai nelayan, mereka bekerja sebagai pengawal keselamatan, tukang kebun,

peniaga, pengangkut barang, tukang rumah dan pemandu bot pelancong (Lihat jadual 2.4).

Jadual 2.4: **Jenis Pekerjaan Responden**

Pekerjaan	Bilangan	Peratus
1. Nelayan	62	85.00
2. Kakitangan Kerajaan	2	2.73
3. Pengawal Keselamatan	2	2.73
4. Peniaga	2	2.73
5. Pengangkut Barang	2	2.73
6. Tukang Rumah	1	1.73
7. Pemandu Bot Pelancong	2	2.73
 Jumlah	73	100

Dari kajian yang dijalankan didapati 20 peratus daripada responden memperolehi pendapatan bulanan lebih daripada RM350.00, 25 peratus lagi mempunyai pendapatan kurang daripada RM250.00 sebulan (Lihat Jadual 2.5).

Jadual 2.5: Pendapatan Responden

Pendapatan Bulanan	Bilangan	Peratus
di bawah RM250	18	25
RM250 hingga RM350	40	55
RM350 ke atas	15	20
Jumlah	73	100

Dari segi bentuk keluarga responden, majoriti rumah tangga terdiri daripada keluarga asas iaitu sejumlah 86 peratus, sementara 9 buah rumah tangga atau 12 peratus adalah keluarga bentuk luas. Terdapat sebuah keluarga asas tirus, iaitu seorang isteri yang kematian suami tinggal bersama anak-anak yang belum berkahwin (Lihat Jadual 2.6).

Jadual 2.6: Bentuk Keluarga dan Bilangan bagi 73 Responden

Bentuk	Bilangan	Peratus
Keluarga Asas	63	86
Keluarga Luas	9	12
Keluarga Asas Tirus	1	2
Jumlah	73	100

Sementara itu, saiz isi rumah responden mengandungi di antara 2 hingga 12 ahli bagi sebuah keluarga. Hitung panjang bagi sebuah keluarga mengandungi 6 ahli dan 59 peratus mempunyai lebih daripada 6 ahli dalam keluarga (Lihat Jadual 2.7).

Jadual 2.7: **Saiz Isi Rumah Responden Tahun 1992**

Saiz	Bilangan	Peratus
2	5	7
3	6	8
4	12	16
5	8	11
6	16	22
7	12	16
8	3	4
9	4	6
10	3	4
11	1	2
12	3	4
<hr/>		
Jumlah	73	100
<hr/>		

2.5 Kemudahan Asas

Masyarakat Melayu Pulau Tuba masih merupakan masyarakat nelayan yang terpencil jika dilihat dari aspek kemudahan bandar seperti bekalan air, bekalan api dan sistem pembuangan najis. Kemudahan asas yang

terdapat di kawasan kajian masih di bawah tahap yang memuaskan jika dibandingkan dengan kemudahan asas yang terdapat di Pulau Langkawi.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dipertanggungjawabkan secara langsung untuk membangunkan Pulau Tuba di samping usaha bersepadau jabatan dan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Kesihatan, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), dan Jabatan Pertanian. Usaha-usaha pembangunan meliputi tiga aspek utama, iaitu pembangunan Infrastruktur Asas Kampung, Pembangunan Masyarakat Nelayan, dan Pembangunan Industri Perikanan.⁷

2.5.1 Bekalan Air

Penduduk Pulau Tuba menggunakan perigi sebagai sumber bekalan air utama. Perigi biasanya dibina di luar kawasan rumah dan dikongsi oleh beberapa buah rumah tangga untuk berbagai tujuan seperti mandi, membasuh dan minuman.

⁷ LKIM telah menubuhkan Jawatankuasa Petugas untuk menyediakan Rancangan Perspektif Pulau Tuba bagi tempoh 1991 hingga 1993. Jawatankuasa ini ditubuhkan berikutan saranan Ahli Parlimen kawasan kajian selaku Menteri Pertanian supaya Pulau Tuba dibangunkan selaras dengan pembangunan pesat yang berlaku di Pulau Langkawi.

Selain daripada perigi, sumber bekalan air bersih diperolehi daripada loji air yang dibina dan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Walaupun begitu pengguna sering mengalami gangguan bekalan air terutama pada musim kemarau (musim timur), iaitu sekitar bulan Mac hingga Jun. Daripada kajian yang dijalankan hanya 37 peratus atau 27 buah rumah tangga sahaja mempunyai kemudahan bekalan air paip. Walaupun mereka mempunyai bekalan air paip, perigi masih digunakan secara meluas.

Jadual 2.8: Bekalan Air di Kalangan Responden

Punca	Bilangan Rumah Tangga	Peratus
Paip	27	37
Perigi	46	63
Jumlah	73	100

2.5.2 Bekalan Elektrik

Penduduk Pulau Tuba menikmati kemudahan bekalan elektrik semenjak tahun 1987. Punca kuasa elektrik diperolehi daripada janakuasa yang dibekalkan oleh Tenaga Nasional Malaysia Berhad (TEN).⁸ Walau bagaimanapun janakuasa ini hanya beroperasi selama 12 jam sehari. Bekalan elektrik disalurkan kepada penduduk bermula dari pukul 7 malam sehingga 7 pagi.

Walaupun begitu, kadar penggunaan yang berlebihan menyebabkan bekalan elektrik sering kali terputus terutama di waktu beban puncak, iaitu sekitar 7.30 malam sehingga 11 malam. Sepanjang pengalaman penulis ketika berada di tempat kajian, tidak kurang daripada 3 kali bekalan elektrik terputus setiap malam. Setiap kali bekalan elektrik terputus mengambil masa di antara setengah hingga satu jam untuk dipulihkan.

Daripada 73 buah rumah tangga yang dikaji, hanya 48 buah rumah tangga (66 peratus) sahaja menerima kemudahan bekalan elektrik. Selebihnya, iaitu 16 buah

⁸ Terdapat 2 buah janakuasa berinjin diesel dengan kadar kuasa 3.2 kilo watt setiap satu ditempatkan di Kampung Telok Berembang dan Kampung Tuba. Kadar bayaran tetap dikenakan setiap bulan iaitu RM5.80 untuk setiap unit kediaman.

rumah tangga (22 peratus) masih lagi menggunakan pelita minyak tanah. Bagi golongan yang berkemampuan dan pengusaha-pengusaha kedai makanan, iaitu sejumlah 12 peratus menggunakan generator sebagai bekalan elektrik utama.

Jadual 2.9: Bekalan Elektrik di Kalangan Responden

Punca	Bilangan rumah tangga	Peratus
TEN	48	66
Generator	9	12
Tiada	16	22
Jumlah	73	100

2.5.3 Sistem Pembuangan Najis

Dari segi kemudahan tandas, hanya 48 peratus daripada responden mempunyai kemudahan tandas. Kebanyakannya adalah tandas curah yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Skim Bantuan Kemudahan Tandas. Bakinya, 52 peratus masih belum mempunyai kemudahan tandas. Mereka masih mengamalkan cara yang tidak teratur untuk tujuan pembuangan najis, iaitu

membuang najis di dalam belukar dan hutan nipah yang terdapat di sekeliling kawasan kediaman mereka.

Jadual 2.10: **Jenis Tandas di Kalangan Responden**

Jenis	Bilangan Rumah Tangga	Peratus
Tandas curah	35	48
Tiada tandas	38	52
Jumlah	73	100

2.5.4 Kemudahan-kemudahan Lain

Kemudahan asas hanya tertumpu di Kampung Tuba manakala di lain-lain kampung kemudahan asas masih berkurangan. Di antara kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di kawasan kajian adalah seperti berikut:

Jadual 2.11: Kemudahan-Kemudahan Yang Terdapat di Pulau Tuba Mengikut Kampung Tahun 1992

Jenis Kemudahan	Kampung Tuba	Teluk Berembang	Lubuk Etok	Teluk Bujur	Jumlah
1. Jeti	Ada	Ada	Tiada	Tiada	2
2. Telefon Awam	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	1
3. Surau	Ada	Ada	Tiada	Ada	3
4. Masjid	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	1
5. Dewan Orang Ramai	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	1
6. Klinik Desa	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	1
7. Pondok Polis	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	1
8. Bilik Sewaan	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	4
9. Sekolah Rendah	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	1
10. Kedai Minyak	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	2
11. Kedai Runcit	Ada	Ada	Ada	Tiada	6
12. Kedai Makanan	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	5
13. Bot Penambang dan Pelancongan	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	6
14. Bot Pengangkut Barang	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	2
15. Lori (Pickup)	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	3
16. Bengkel Industri Kampung	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	1
17. Tadika	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	1
18. Pengangkutan Awam	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	0
19. Jalan Berturap	Ada	Ada	Ada	Ada	-
20. Kilang Padi Mini	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	1

2.6 Struktur dan Organisasi Sosial

Kampung-kampung yang terdapat di kawasan kajian tidak ditandai atau dipisahkan oleh sempadan geografi atau pentadbiran, tetapi berfungsi sebagai unit sosial yang padu, dengan tingkat persaudaraan dan perpaduan yang tinggi melalui interaksi bersemuka, dan aktiviti saling kunjung mengunjungi di kalangan penduduk yang berlaku dalam darjah kekerapan yang tinggi. Mereka menganggotai satu kariah dan bernaung di bawah penaung tempatan.⁹

⁹ Dari segi pentadbiran, kawasan kajian dibahagikan kepada dua unit pentadbiran. Pembahagian ini dibuat berdasarkan kewujudan dua cawangan UMNO, iaitu UMNO Cawangan Tuba Barat dan UMNO Cawangan Tuba Timur. Setiap cawangan mempunyai ketua masing-masing. Pemisahan unit pentadbiran hanya berlaku pada teori sahaja kerana dalam kelangsungan hidup seharian kesatuan sosial dan kepimpinan masih kuat diamalkan. Masyarakat di sini masih mengekalkan corak kepimpinan tradisi yang bersifat informal iaitu berdasarkan keturunan dan kewibawaan pribadi (J.M. Gullick; 1970:55) Bang Mi yang juga Pengurus JKPP dan Ketua UMNO Cawangan Tuba Timur adalah orang yang paling berpengaruh, dihormati, dan disegani di kawasan kajian. Beliau adalah anak kepada bekas Penghulu dan keturunan mereka adalah generasi yang terawal tiba di kawasan kajian. Beliau dianggap oleh penduduk kampung sebagai orang senang kerana memiliki hak milik yang banyak ke atas tanah. Selain bertindak sebagai penaung moden iaitu penghubung di antara kerajaan dan rakyat beliau juga merupakan tempat penduduk mengadu hal, meminta pertolongan dan bertanggung jawab menyelesaikan perselisihan di kalangan penduduk. Selain beliau, Wa An adalah di antara orang yang disegani dan dihormati. Beliau adalah orang tua dan Imam di kawasan kajian. Beliau juga merupakan tempat ahli-ahli kariah membuat rujukan dan meminta nasihat terutama dalam hal ehwal keagamaan. Dalam struktur politik moden, Penghulu adalah orang yang

bersambung ...

Pemisahan kampung-kampung di tempat kajian hanya berfungsi sebagai rujukan kepada kawasan kediaman sahaja sedangkan dalam setiap aktiviti sosial harian, mereka bertindak sebagai satu kesatuan sosial yang padu.

Setiap penduduk memiliki perasaan bangga dan sayang terhadap kampung dan semangat kepribadian yang kuat terhadap kelompok mereka. Kejayaan anggota kelompok adalah kebangaan bersama, dan malu yang disebabkan oleh salah seorang anggota kelompok turut mencemar keseluruhan penduduk. Dalam usaha untuk menegakkan kelompok berdasarkan sentimen yang kuat terhadap kediaman dan kelompok mereka, kadang kala boleh menimbulkan perselisihan dengan kelompok lain. Setiap penduduk kecuali kanak-kanak mengenali di antara satu sama lain malah mengetahui latar belakang setiap keluarga. Mereka mengakui bahawa sebahagian besar keluarga di situ sebagai bukan orang lain, iaitu sesama mereka mempunyai ikatan kekeluargaan sama ada dihubungkan melalui darah atau perkahwinan. Pengakuan ini ada kebenarannya kerana kecenderungan mereka mengamalkan bentuk rumah tangga seperkarangan dan pemilihan pasangan untuk berkahwin di

... sambungan

bertanggung jawab ke atas kampung-kampung di tempat kajian. Walau bagaimanapun hubungan Penghulu hanya berlaku dengan Pengurus JKKA sahaja. Ini disebabkan Penghulu bagi Mukim Kuah tidak tinggal di tempat kajian malah tidak pernah berkunjung dan berhubung dengan penduduk di tempat kajian.

kalangan kelompok mereka sahaja. Kebanyakan perkahwinan bukan sahaja didasarkan kepada faktor cinta dan sayang tetapi pengaruh dan aturan daripada keluarga. Oleh itu kecenderungan dan kemungkinan seseorang untuk berkahwin dengan orang yang mempunyai pertalian kekerabatan atau adik beradik penduduk sekampung sama ada orang Pulau Tuba atau orang luar daripada Pulau Tuba adalah besar. Sepanjang kajian dilakukan, hanya ditemui tiga kes perkahwinan yang tidak melibatkan hubungan kekeluargaan dikesan di tempat kajian.

Kampung Tuba atau tepi laut dianggap sebagai pekan oleh penduduk di tempat kajian. Selain menjadi pintu masuk, di sini juga terdapat deretan kedai yang menyediakan berbagai barang keperluan penduduk dan pusat segala aktiviti. Bagi kaum lelaki, tepi laut adalah tempat tumpuan untuk bertemu dan berkumpul. Golongan lelaki terutamanya lelaki dewasa menghabiskan kebanyakan waktu mereka di luar rumah sama ada untuk tujuan bekerja atau memenuhi keperluan sosial. Setiap hari saya boleh berjumpa dengan penduduk lelaki dewasa sama ada di bawah pohon ketapang atau di kedai-kedai kopi. Jika sehari tidak kelihatan, mereka akan bertanya khabar sesama mereka.

Pada asasnya, satu unit keluarga bertindak sebagai satu unit yang bekerja sama dalam setiap amalan sosial. Setiap aktiviti dilakukan dalam unit keluarga dengan pertolongan ahli-ahli dalam keluarga. Krisis hidup yang kecil dan upacara kekeluargaan seperti kenduri kecil biasanya melibatkan kerja sama di kalangan keluarga yang dekat dan jiran-jiran yang tinggal berhampiran sahaja. Hal-hal yang lebih besar yang memerlukan tenaga kerja yang ramai menuntut kerja sama dan pertolongan daripada keseluruhan penduduk kampung. Sistem kerja kolektif jelas dapat dikesan dalam penyelenggaraan setiap aspek kehidupan terutama jika berlaku kecemasan dan krisis hidup yang penting seperti kematian dan kenduri besar. Jika berlaku kematian, penduduk kampung yang mengetahui berita tersebut tidak turun ke laut pada hari itu sementara kenduri besar seperti majlis perkahwinan dilangsungkan ketika air mati di mana nelayan sememangnya tidak turun ke laut pada hari tersebut.

Tanggung jawab sosial seperti tolong menolong dan sumbang menyumbang adalah gabungan kesedaran spontan yang lahir dari perasaan kasihan, sikap kepedulian dan sebagai bentuk balas membala kewajipan kerana termakan budi akibat jasa yang pernah diterima dan jaminan bantuan di masa depan untuk keluarga akibat jasa yang pernah dihulurkan. Sebuah masyarakat yang bersepadu menyeleng-

garakan setiap aktiviti sosial bukan untuk kepentingan peribadi tetapi untuk kebajikan keluarga dan masyarakat.

Sementara itu, perselisihan di antara penduduk kampung tidak dibiarkan berlarutan. Dalam masyarakat yang mementingkan persepaduan dan tinggal dalam kawasan yang terhad, memperlihatkan bentuk hubungan tidak lepas dalam erti kata mereka yang berselisih faham dan bermasam muka tidak dapat mengelak daripada bertemu dalam urusan harian mereka dan lambat laun mereka saling memerlukan pertolongan terutama jika melibatkan kecemasan dan kenduri kendara.

2.7 Pendidikan Formal

Penduduk Pulau Tuba memperolehi pendidikan formal di Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Tuba, iaitu sekolah tunggal yang terdapat di kawasan kajian. Sekolah ini menempatkan lapan bilik darjah. Bilangan pelajar pada tahun 1992 ialah seramai 247 orang murid dengan 14 orang tenaga pengajar (lihat Jadual 2.12).

Jadual 2.12: Bilangan Pelajar Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba Mengikut Darjah dan Jantina dari Tahun 1990-1992

Darjah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	TAHUN 1990			TAHUN 1991			TAHUN 1992		
				Darjah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Darjah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Darjah
1	16	19	35	IR	14	13	27	IR	12	11	23	IR
2	16	18	34	IN	11	16	27	IN	12	11	23	IN
3	19	24	43	2	16	19	35	2R	14	13	27	2R
4	18	17	35	3	16	18	34	2N	11	16	27	2N
5	15	12	27	4	19	24	43	3	16	16	35	3
6	15	13	28	5	18	17	35	4	16	18	34	4
				6	15	12	27	5	19	24	43	5
							6	18	17	17	35	6
Jumlah	99	103	202	Jumlah	109	119	228	Jumlah	118	129	247	Jumlah

Sumber: Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba

Bagi pelajar yang telah menamatkan pelajaran di peringkat rendah, mereka perlu melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Untuk tujuan tersebut, pelajar-pelajar dari Pulau Tuba terpaksa bersekolah di Pulau Langkawi kerana sekolah menengah yang paling hampir terletak di sana.¹⁰

Peluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah diberikan kepada semua pelajar yang telah menamatkan persekolahan peringkat rendah, namun masih ramai di antara anak-anak responden, iaitu 25.5 peratus tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah. Peratus keciciran pada peringkat sekolah rendah di kalangan anak-anak responden adalah tinggi. Contohnya, pada sesi pengajian 1991, daripada 27 orang pelajar yang layak memasuki tingkatan satu hanya 16 orang sahaja yang berbuat demikian. Pada tahun pengajian 1990 pula, daripada 16 orang yang ditawarkan ke tingkatan satu, hanya 8 orang yang menerima tawaran tersebut, manakala selebihnya enggan meneruskan persekolahan lagi.

Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan, didapati hanya 33 peratus anak-anak responden yang masih bersekolah. Daripada jumlah ini sebahagian besarnya,

¹⁰ Di Pulau Langkawi terdapat empat buah sekolah menengah kerajaan.

iaitu 75 peratus adalah pelajar sekolah rendah (lihat Jadual 2.13 dan 2.14).

Jadual 2.13: Status Pendidikan Anak-anak Responden Mengikut Jantina Tahun 1992

Status Pendidikan	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Masih bersekolah (lihat Jadual 2.14)	35	57	92	33.0
Belum bersekolah	26	38	64	23.0
Tadika	5	11	16	5.7
Tamat Darjah 6	35	36	71	25.5
Tamat Tingkatan 3	14	9	23	8.2
Tamat Tingkatan 5	7	3	10	3.6
Tamat Tingkatan 6	2	1	3	1.0
Jumlah	124	155	279	100

Jadual 2.14: Anak-anak Responden yang masih Bersekolah Mengikut Peringkat Persekolahan dan Jantina Tahun 1992

Peringkat Persekolahan	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Peratus
Sekolah Rendah	31	38	69	75.0
Sekolah Menengah	8	13	21	22.8
Sekolah Agama Kerajaan	-	1	1	1.1
Maktab Perguruan	1	-	1	1.1
Jumlah	40	52	92	100

2.8 Organisasi Ekonomi

Secara tradisinya, kehidupan masyarakat di sini tidak dapat dipisahkan dengan laut. Aktiviti sebagai nelayan menjadi aktiviti mencari makan paling utama. Sementara itu, kerja sampingan seperti penanaman padi, menternak binatang, mengumpul hasil-hasil hutan seperti jering, madu lebah dan memburu napoh pada umumnya adalah untuk keperluan sendiri sahaja atau dijual ketika kesempitan wang tetapi bukan untuk tujuan pengkormesialan. Ciri-ciri ekonomi tani¹¹ atau kerja kampung masih jelas dalam kegiatan mencari makan. Sebagai sebuah masyarakat tani, aktiviti ekonomi dalam sesebuah keluarga bukan untuk sara diri semata-mata. Sebahagian besar daripada pengeluaran adalah untuk tujuan pasaran bagi mendapatkan wang tunai untuk perbelanjaan terhadap barang, perkhidmatan dan pendidikan yang tidak dapat disediakan sendiri oleh keluarga (Wan Kadir, 1971: 10).

Keseluruhan hasil tangkapan terutamanya udang dijual kepada peraih untuk mendapatkan wang tunai. Hasil

¹¹ "Nelayan disebut sebagai mewakili sebahagian daripada ekonomi tani: dengan teknologi bukan mekanikal yang mudah secara relatifnya; unit pengeluaran secara kecil-kecilan; hasil pengeluaran itu diuntukkan bagi keperluan subsistens selain untuk dipasarkan."

(Firth Raymond; 1990: 7)

tangkapan jarang dibawa balik ke rumah untuk dimakan, kecuali udang yang mengalami kerosakan dan ikan-ikan kecil yang enggan dibeli oleh peraih.

Seperti yang telah dinyatakan, daripada kajian yang dijalankan ke atas 73 ketua keluarga, jumlah rumah tangga yang terlibat dengan aktiviti sebagai nelayan adalah 62 buah. Jumlah ini merupakan pekerjaan terbesar bagi rumah tangga di kawasan kajian. Daripada jumlah tersebut, 95 peratus menjalankan aktiviti sebagai nelayan sepenuh masa manakala 5 peratus lagi sebagai aktiviti sampingan.

Bagi nelayan separuh masa, mereka mempunyai pekerjaan utama yang lain dan kerja-kerja menangkap ikan hanya dilakukan sebagai sampingan kepada kerja-kerja di darat. Mereka hanya menggunakan teknik pancing, iaitu turun ke laut di waktu tertentu terutamanya ketika air mati untuk memancing ikan sebagai sumber pendapatan tambahan.

Jadual 2.15: Bilangan Ketua Keluarga Nelayan Mengikut Status Tahun 1992

Status	Bilangan	Peratus
Penuh masa	59	95
Separuh masa	3	5
Jumlah	62	100

Sementara itu, 11 ketua keluarga, iaitu 15 peratus lagi tidak terlibat dengan aktiviti sebagai nelayan. Walaupun golongan ini tidak terlibat dengan aktiviti di laut, tetapi sebenarnya mereka pernah menjadi nelayan sebelum terlibat dengan aktiviti ekonomi sekarang. Penduduk di sini tidak pernah membezakan diri mereka sebagai orang ke laut (nelayan) atau orang darat (bukan nelayan) seperti yang ditemui oleh Firth dalam kajiannya di Perupok.¹² Golongan yang bekerja di darat masih turun ke laut sama ada untuk memenuhi masa lapang atau sebagai sumber keseronokan (saja seronok-seronok). Mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang serupa dengan orang yang turun ke laut; mereka mahir tentang

¹² "Di Kelantan, orang yang bergiat menangkap ikan ataupun nelayan dikenali sebagai orang ke laut, mereka ini membezakan diri mereka dengan orang darat iaitu orang yang bukan turun ke laut".

(Firth, 1990: 5)

perahu, pukat, pancing dan injin, fenomena pasang surut, faktor perubahan cuaca dan musim serta petua dan pedoman ketika berada di laut. Ada di antara mereka lebih mahir daripada orang ke laut kerana sudah lama terlibat sebagai nelayan tetapi berhenti dari turun ke laut atas faktor usia atau mempunyai pekerjaan yang lebih baik di darat. Bagi golongan yang tidak terlibat dengan aktiviti sebagai nelayan, mereka bekerja sebagai pengawal keselamatan, tukang kebun, peniaga, pengangkut barang, tukang rumah dan pemandu bot pelancongan (Lihat semula Jadual 2.4).

Nelayan di tempat kajian adalah nelayan pantai atau nelayan tradisional. Mereka keluar ke laut dalam lingkungan 5 hingga 6 batu dari pantai dengan menggunakan bot kecil dan peralatan yang mudah seperti pukat dan pancing. Di kawasan kajian terdapat lebih kurang 150 buah bot berinjin sangkut (injin botol). Daripada kajian yang dijalankan didapati seramai 36 orang nelayan, iaitu 58 peratus mempunyai bot penangkapan sendiri manakala seramai 26 orang atau 42 peratus lagi hanya sebagai awak-awak atau kawan ke laut.

Jadual 2.16: Pemilikan Bot Penangkapan Ikan Kalangan Ketua Keluarga Responden Tahun 1992

Jenis	Bilangan	Peratus
Injin Sangkut	30	48
Injin Dalam	6	10
Tiada Bot	26	42
62		100

Aktiviti mencari makan yang paling utama ialah menangkap udang. Pukat yang digunakan ialah pukat udang.¹³ Kelengkapan seperti pukat, pelampung dan timah dibeli dari luar dan proses pemasangannya (kajar pukat) dilakukan sendiri atau diupah.¹⁴

¹³ Pukat udang terdiri daripada tiga lapisan; pukat pada bahagian paling luar mempunyai keluasan mata berukuran 5 hingga 9 inci sementara pukat pada bahagian tengah mempunyai keluasan mata 1 1/4 inci hingga 1 3/4 inci.

¹⁴ Suri rumah dan nelayan yang tidak turun ke laut bekerja mengambil upah untuk memperolehi pendapatan tambahan. Bagi wanita yang telah berkahwin dan berkeluarga, walaupun mereka tidak diharapkan untuk mencari nafkah tetapi masih terlibat dengan pekerjaan sampingan yang tidak memerlukan mereka meninggalkan rumah. Pekerjaan yang mereka lakukan adalah pekerjaan yang membolehkan mereka pulang pada bila-bila masa untuk menjalankan tanggung jawab di rumah seperti mengambil upah membuat pukat, menjahit, membuat tikar, menoreh getah atau menguruskan kedai.

Nelayan yang menggunakan kaedah ini hanya memilih jenis tangkapan yang dibeli oleh peraih atau dikatakan ada harga seperti udang dan ketam. Lain-lain jenis tangkapan yang tidak dibeli oleh peraih atau tiada harga, diambil sekadar keperluan keluarga dan jiran-jiran yang tidak ke laut, selebihnya dibuang semula ke laut. Fenomena ini pada mulanya menghairankan pengkaji, tetapi hakikatnya ikan-ikan kecil seperti kembong enggan dibeli oleh peraih tempatan dan tidak mempunyai harga yang baik di pasaran. Ikan-ikan ini hanya boleh dijual di Pekan Kuah itu pun dengan harga 10 sen hingga 20 sen sekilogram sedangkan kos petrol untuk ke sana melebihi 5 ringgit dan memerlukan lebih banyak masa sebelum dapat pulang ke rumah. Ikan-ikan kecil juga bukan lauk yang diminati sebagai hidangan harian mereka disebabkan terlalu biasa dan paling mudah diperolehi. Oleh kerana itu pengkaji sering mendengar suri rumah merungut dan mengeluh kerana ketiadaan lauk untuk dimakan sedangkan ikan seperti kembong dan gelama paling mudah diperolehi tetapi tidak dinaikkan ke darat. Kadang kala mereka mengharapkan peniaga tempatan membawa masuk ikan dari Pekan Kuah untuk dijual di tempat kajian.

Nelayan menjual hasil tangkapan mereka kepada peraih tempatan. Terdapat 8 orang peraih yang membeli hasil tangkapan, khususnya udang. Peraih-peraih udang

terdiri daripada penduduk tempatan yang kemudiannya menjual kepada tauke Cina di Kuala Perlis. Harga udang ditentukan berdasarkan sistem gred yang diklasifikasikan mengikut jenis dan saiznya. Udang gred A yang dikenali oleh penduduk tempatan sebagai **udang kaki merah**, dibeli dengan harga RM18.00 sekilogram sementara udang gred B dibeli dengan harga RM6.40 sekilogram.

Hubungan nelayan dengan peraih bukan sekadar hubungan jual beli dalam erti kata peraih bertindak sebagai orang tengah yang menyediakan pasaran segera untuk tangkapan yang dibawa oleh nelayan, tetapi melibatkan jaringan hubungan yang lebih rumit. Setiap peraih mempunyai nelayan yang bertindak menjual hasil tangkapan mereka secara tetap. Nelayan ini dikenali oleh peraih sebagai "**orang aku**". Tawar menawar tidak berlaku dalam organisasi pasaran kerana peraih telah membuat penetapan harga. Selain hubungan pasaran, peraih membentuk hubungan dan tanggung jawab sosial dengan orang-orangnya; sekurang-kurangnya untuk memastikan orang-orangnya tidak "lari" kepada peraih lain. Di pihak nelayan, hubungan sosial dengan peraih penting sekurang-kurangnya sebagai jaminan perlindungan ekonomi dan tempat bergantung terutama di waktu kesusahan dan kecemasan. Peraih mempunyai tanggung jawab untuk menjaga kebijakan orang-orangnya dengan memberi sumbangan ketika

berlaku kematian atau upacara perkahwinan yang melibatkan anggota keluarga nelayan.

Selain itu, peraih memberi pembiayaan harian dengan menyediakan keperluan harian ke laut seperti petrol dan air batu.¹⁵ Pembiayaan juga diberi dalam bentuk pembelian peralatan menangkap ikan seperti injin dan pukat. Pembayaran balik adalah melalui potongan hasil jualan harian. Nelayan yang menerima pembiayaan bentuk ini akan lebih terikat dengan peraih. Seorang informan memberitahu bahawa beliau pernah menerima pukat daripada peraihnya selepas pukatnya dicuri orang. Selepas menerima pembiayaan tersebut, pengeluaran hasil dikawal oleh peraih. Pernah suatu hari beliau disindir oleh peraih kerana tidak ke laut dengan kata-kata "Ada udang malas ke laut", atau ketika tidak mendapat udang dengan kata-kata, "orang pi tangkap udang hang pi main". Kata-kata itu biasanya dilemparkan apabila peraih melihat nelayan lain mendapat udang. Dalam hal ini nelayan tidak mempunyai kebebasan dan perlu mengikut arahan peraih disebabkan sudah 'tersangkut' dengan pembiayaan peralatan yang diterima.

¹⁵ Sebelum turun ke laut, peraih menyediakan minyak pertol 4 liter bernilai RM5.20 untuk bot dan ais batu bernilai RM1.00 untuk diisi ke dalam bekas kedap udara yang digunakan bagi mengelak udang daripada mengalami kerosakan. Kos ini ditolak apabila nelayan menjual udang di sebelah petangnya.

Bilangan peserta kerja untuk sesbuah bot pukat udang ialah dua orang¹⁶ iaitu terdiri daripada pemilik bot dan pukat serta nelayan biasa yang bertindak sebagai awak-awak atau kawan ke laut. Keutamaan pemilihan kawan ke laut ialah di kalangan anggota keluarga sendiri atau mereka yang mempunyai pertalian kekeluargaan yang rapat sama ada pertalian darah atau perkahwinan seperti hubungan anak beranak, dua beradik, mertua dan menantu, bapa saudara dan anak saudara, hubungan sepupu atau hubungan datuk dan cucu. Kecenderungan untuk memilih sanak saudara sebagai kawan ke laut disebabkan pertamanya oleh sistem pembahagian hasil tangkapan berdasarkan sistem panggu atau bahagian, iaitu pemilik bot dan pukat memperolehi dua panggu sementara awak-awak memperolehi satu panggu. Pada nilaiannya mereka adalah lebih baik jika hasil tangkapan dikongsi bersama dengan saudara sendiri daripada diagihkan dengan orang lain. Bantu membantu, tolong menolong dan bahagi membahagi sesama saudara adalah nilai yang dipandang tinggi oleh setiap anggota keluarga.

¹⁶ Proses melabuh (tauk pukat) dan menaikkan pukat (karau pukat) serta mengasingkan tangkapan (perisi) lebih cepat dan mudah jika melibatkan dua orang peserta. Tanpa bantuan awak-awak, nelayan terpaksa menaikkan tangkapan tanpa mengasingkannya serta merta (karau lungguk) sebaliknya mencari tempat perlindungan di kawasan pulau yang berhampiran untuk mengasingkannya.

Keduanya, satu unit keluarga bertindak sebagai unit yang bekerja sama dalam bidang ekonomi. Oleh sebab itu terdapat beberapa kes di mana wanita turut sama ke laut sama ada mengikut suami, anak atau menantu, walaupun pekerjaan di laut secara umumnya terhad kepada orang lelaki sahaja. Kaum wanita menawarkan diri dan dibenarkan menggantikan ahli keluarga yang tidak dapat turun ke laut sama ada disebabkan ada urusan di darat atau sakit. Tindakan ini hanyalah bersifat sementara dan terhad kepada wanita yang tiada mempunyai anak kecil bagi memastikan keseluruhan hasil tangkapan dimiliki oleh keluarga mereka. Sekiranya tiada kaum keluarga yang boleh mengikut ke laut barulah diambil orang lain sebagai kawan ke laut.

Selain daripada menggunakan pukat udang, teknik pancing juga digunakan. Teknik ini bukanlah teknik penangkapan utama kerana teknik penangkapan terpenting ialah pukat udang. Walaupun begitu, teknik ini digunakan oleh nelayan separuh masa. Memancing hanya dijalankan pada masa-masa tertentu sahaja sebagai aktiviti mengisi masa lapang dan keseronokan di samping memperolehi pendapatan tambahan dan lauk secara segera. Jenis tangkapan yang diperolehi dengan menggunakan teknik ini ialah ikan jenis besar dan 'ada harga' seperti talang, gerut, jenahak, kerapu, pari, gubai dan alu-alu.

Memancing ikan biasanya dilakukan secara berkumpulan. Nelayan yang menggunakan teknik ini memerlukan pengalaman dan kemahiran yang tinggi berbanding teknik pukat udang untuk memastikan hasil tangkapan yang baik. Seorang nelayan sentiasa mendapat tangkapan yang baik biasanya mengetahui kawasan laut dan kedudukan tempat-tempat yang digemari ikan seperti di Tukun Tenggelam, Tukun Pulau Pasir, Karang Tengah, Kayu Pacak, Kapal Karam dan Tukun Tok Janggut. Tempat-tempat ini diketahui melalui pedoman tempat berdasarkan kombinasi tanda-tanda yang boleh dilihat seperti puncak bukit, kedudukan pulau-pulau atau pokok-pokok.

Teknik pancing juga digunakan untuk memancing anak ikan kerapu. Aktiviti mengail ikan kerapu adalah aktiviti ekonomi yang masih baru, iaitu mula diperkenalkan pada tahun 1979. Anak-anak ikan kerapu diperlukan oleh tauke Cina¹⁷ yang beroperasi di Penarak, Pulau Langkawi. Terdapat 2 orang tauke Cina yang bertindak membeli dan mengumpul anak-anak ikan kerapu yang masih hidup daripada nelayan-nelayan di sekitar perairan Langkawi untuk dipelihara dan diekspot ke luar negeri.

¹⁷ Menurut tauke Cina ketika ditemui, mereka mampu membekal benih ikan kerapu untuk keperluan restoran-restoran di Hong Kong sebanyak 30 ribu ekor seminggu. Anak-anak ikan dihantar setiap Ahad, Rabu dan Jumaat melalui Pulau Pinang.

Aktiviti mengail kerapu hidup hanya dijalankan secara sambilan oleh sebilangan kecil nelayan di kawasan kajian untuk mendapat wang tambahan. Biasanya aktiviti ini hanya melibatkan nelayan yang tidak dapat turun ke laut untuk menangkap udang sama ada ketika air mati atau sementara menunggu injin atau pukat yang dibaiki siap. Mengail kerapu tidak perlu keluar jauh dari pantai kerana anak-anak kerapu banyak terdapat di tepi-tepi pulau.

Ramai di antara nelayan di tempat kajian enggan melibatkan diri dengan aktiviti ini kerana mereka lebih serasi dengan aktiviti menangkap udang. Bagi mereka mengail kerapu kurang menguntungkan jika dibandingkan dengan menangkap udang, lagi pun mengail kerapu memerlukan tingkat kesabaran yang tinggi dan menjemukan. Semasa kajian ini dilakukan, ramai di antara mereka masih tidak mengetahui teknik terbaik untuk mengail anak-anak ikan kerapu, jenis umpan dan kaedah yang sesuai untuk memastikan ikan-ikan tersebut boleh terus hidup sekurang-kurangnya sehingga dijual.

Anak ikan kerapu yang masih hidup dibeli oleh tauke Cina berdasarkan jenis dan mutu ikan kerapu, bukan berdasarkan timbangan berat. Bagi ikan kerapu dari jenis yang baik dan bermutu seperti kerapu pinang harganya mencapai RM3.50 seekor dan bagi ikan kerapu dari jenis

yang kurang bermutu harganya sekitar RM1.50 hingga RM1.70 seekor.

Pada bulan November hingga Februari kebanyakan nelayan tidak dapat turun ke laut. Dengan bot yang kecil nelayan tidak mampu mengharungi keadaan laut yang bergelora dan angin kencang. Mereka hanya mengambil kesempatan beberapa jam apabila cuaca panas untuk ke laut. Mereka terpaksa bergegas pulang pada tengah hari walaupun cuaca masih cerah dan tanpa sebarang tangkapan untuk mengelakkan diri dari terperangkap dengan perubahan angin yang berlaku secara tiba-tiba di sebelah petang. Nelayan yang mempunyai bot yang besar, iaitu tujuh puluh tan metrik ke atas tetap turun ke laut untuk berbangan.¹⁸

Nelayan yang tidak turun ke laut menggunakan masa ini untuk memperbaiki peralatan penangkapan seperti bot dan pukat dan melakukan tugas-tugas di darat. Pada musim ini, kebanyakan nelayan mengerjakan sawah padi (buat bendang). Penanaman padi dilakukan setahun sekali kerana sumber pengairan hanyalah daripada hujan. Padi yang ditanam adalah untuk kegunaan sendiri sama ada

¹⁸ Berbagan ialah istilah yang digunakan untuk nelayan yang turun ke laut lebih daripada sehari. Biasanya mereka keluar berkumpulan selama 4 hingga 5 hari. Mereka tidak pergi ke kawasan tangkapan biasa tetapi ke kawasan yang lebih jauh tetapi terlindung daripada angin kencang seperti di perairan pantai Cenang di Pulau Langkawi.

untuk disimpan untuk makanan atau dijual sekadar melangsakan hutang barang keperluan harian selama tidak turun ke laut.

Sekitar bulan November burung ruak-ruak banyak didapati di sini. Keadaan pantai yang dipenuhi hutan bakau bagaikan pesta kerana beratus-ratus penduduk kampung keluar menangkap burung, biasanya selepas tengah malam sehingga awal pagi. Terdapat dua cara menangkap burung, sama ada menggunakan lastik atau menggunakan teknik ajuk.¹⁹ Burung-burung yang diperolehi adalah untuk kegunaan sendiri atau diberikan kepada adik beradik yang tinggal di luar Pulau Tuba sebagai buah tangan yang istimewa.

2.9 Struktur dan Organisasi Keluarga

Secara umumnya masyarakat Melayu di Pulau Tuba mengamalkan prinsip keturunan dwisisi (bilateral descent) tanpa pengkhususan dalam peraturan hubungan kekeluargaan serta peraturan kediaman yang tidak tetap. Kecenderungan untuk mengelompokan keturunan dan seterusnya menjalinkan hubungan sosial kekeluargaan yang melibatkan jaringan

¹⁹ Menggunakan pipit iaitu sejenis alat tiupan. Alat ini akan ditiup untuk memanggil burung. Burung yang datang akan tersangkut pada pukat yang telah sedia direntangkan.

peranan dan tanggung jawab bertimbang balas di sebelah pihak ibu dan di sebelah pihak bapa dinilai sebagai sama penting. Prinsip ini jelas dikesan, terutama jika melibatkan hubungan dengan lingkungan kategori keluarga dekat,²⁰ walaupun mereka tinggal berjauhan. Dalam erti kata lain, mereka perlu mengambil berat, berbuat baik, mengambil tahu dan mengutamakan hubungan keluarga dengan kedua-dua belah pihak sama ada hubungan keluarga sebelah ibu atau hubungan keluarga sebelah bapa, melalui kunjung mengunjung, bertanya khabar dan berkirim salam. Dalam perkara yang melibatkan setiap krisis hidup anggota keluarga dekat, mereka diberitahu lebih awal, tidak boleh diketepikan dan kehadiran mereka adalah penting. Di samping itu mereka mempunyai tanggung jawab untuk sumbang menyumbang berdasarkan kemampuan sama ada dalam bentuk kebendaan dan wang (duit ringgit), tenaga (riang) atau sekurang-kurangnya menunjuk muka. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan kaum keluarga berkecil hati, merajuk dan menjadi bahan umpatan di belakang hari.

Seperti yang telah dinyatakan, majoriti rumah tangga dalam masyarakat yang dikaji terdiri daripada keluarga asas (86 peratus). Namun begitu, keluarga

²⁰ Dalam sistem persanakan masyarakat yang dikaji, kategori keluarga dekat atau adik beradik dekat ialah mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan sama ada melalui darah atau perkahwinan sehingga dua pupu sahaja.

asas yang ditemui di tempat kajian bukanlah bentuk keluarga asas terpisah kerana masih menepati bentuk keluarga luas. Ini disebabkan keluarga asas tidak wujud bersendirian sebaliknya dikelilingi oleh beberapa buah keluarga asas lain yang anggota-anggotanya mempunyai pertalian darah. Di atas bidang tanah biasanya milik keluarga asas senior, terdapat kelompok rumah tangga yang terdiri daripada tiga hingga empat generasi keluarga.²¹

Bentuk rumah tangga seperkarangan hanya melibatkan pemisahan fizikal tetapi mempunyai kesatuan dan ikatan sosial yang kuat, jaringan peranan dan tanggung jawab bertimbang balas yang meluas serta darjah kekerapan yang tinggi dalam interaksi dan komunikasi harian. Apabila berlaku krisis hidup, atau ada saudara mara berkunjung, mereka berkumpul dan makan bersama-sama. Kadangkala barang keperluan dapur seperti beras, bawang, gula atau kopi dipinjam daripada saudara tanpa perlu membayar balik. Pemisahan unit kediaman lazimnya berlaku selepas anak-anak berkahwin. Seorang suami akan berusaha membina rumah yang berasingan untuk keluarga asasnya dengan hasrat membentuk sebuah keluarga yang berdikari dalam erti kata memiliki unit kediaman sendiri,

²¹ Kediaman kelompok rumah yang terdiri daripada beberapa keluarga asas yang mempunyai pertalian darah disebut oleh Kuchiba dalam kajiannya (1979: 61) sebagai Compound Household.

belanjawan yang berasingan dan mempunyai autonomi dalam rumah tangganya. Anak pertama, biasanya dilahirkan di rumah sendiri. Disebabkan nilai dan semangat kekeluargaan yang kuat, dan kesetiaan terhadap keluarga yang begitu kukuh anak-anak seboleh-bolehnya tidak dibenarkan berpisah jauh dari kaum keluarga, sebaliknya digalakkan berkongsi dan membina rumah di perkarangan yang sama atas bidang tanah milik ibu atau bapa dan selalunya bertemu cucur **atap**, berkongsi perigi, ampaian, halaman dan tandas.

Walaupun begitu, disebabkan peluang pekerjaan di kampung adalah terhad, anak-anak yang sudah berumah tangga terpaksa berjauhan dari kaum keluarga tetapi hubungan timbal balas dengan keluarga orientasi dan saudara mara masih berlaku, cuma kekerapannya sahaja berkurangan. Mereka tetap pulang pada hari perayaan, atau bila ada perkahwinan atau kematian yang melibatkan saudara mara. Meskipun bertahun-tahun di rantauan, mereka mempunyai keazaman untuk tinggal dekat dengan kaum keluarga dan lambat laun akan kembali menetap di kampung. Kes sebegini sering ditemui di tempat kajian.

Contoh kes:

Daud sudah 2 tahun bekerja di Pulau Pinang sebagai buruh binaan. Kini dia tidak lagi bekerja di sana kerana peluang pekerjaan banyak terdapat di Langkawi. Sewaktu

ditemui, beliau sedang sibuk mendirikan rumah untuk keluarganya di atas bidang tanah milik bapanya dan bersebelahan dengan kediaman ibu bapanya.

2.9.1 Hubungan Sosial Dalam Keluarga

Hubungan sosial dalam sebuah rumahtangga Melayu di Pulau Tuba diikat dan diatur melalui peranan dan hak yang menetapkan tugas dan tanggungjawab setiap anggota keluarga. Oleh itu aturan berkeluarga ditentukan oleh kedudukan seseorang dalam keluarga.

Bagi masyarakat Melayu, pada asasnya peranan dalam keluarga adalah ditetapkan oleh Islam,²² iaitu di antara tiga bentuk kewajipan; kewajipan suami/ayah, kewajipan isteri/ibu dan kewajipan bersama untuk membentuk sebuah rumahtangga yang bahagia dan harmoni.

Dalam struktur keluarga Melayu di sini, puncak kawalan dan kekuasaan berada di tangan suami. Suami atau lelaki diletakkan sebagai superior dan memiliki kuasa mutlak untuk bertindak dan membuat keputusan dalam hal-hal sosial dan ekonomi rumahtangga. Suami diberikan

²² Seorang lelaki adalah pengembala di dalam keluarganya dan ia bertanggungjawab terhadap gembalanya itu. Dan seorang wanita adalah pengembala di dalam rumah suaminya dan ia bertanggungjawab terhadap gembalanya itu (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim dipetik dari Abdullah Nashih Ulwan; 1989: 145).

tanggungjawab yang lebih dan menjadi ketua keluarga. Hubungan sosial dalam rumah tangga dikawal oleh norma ketaatan dan nilai hormat. Seorang suami/ayah berhak mendapat ketaatan dan kesetiaan daripada isteri dan anak-anak. Setiap anggota rumah tangga wajib patuh dan akur dengan nasihat, arahan dan keputusan suami/ayah. Seorang isteri mesti mendengar dan mengikut cakap suami. Pada nilai-nilai masyarakat di sini, mereka tidak dapat menerima hakikat yang seorang isteri itu lebih berkuasa daripada suami. Suami dikatakan takut bini jika selalu mengikut cakap dan berada di bawah telunjuk isteri. Mereka memandang golongan suami yang takut bini sebagai orang yang bodoh atau berkemungkinan terkena buatan sihir si isteri.

Situasi yang berbeza dikesan dalam kehidupan dan kelangsungan hidup berumah tangga. Dalam aturan keluarga, walaupun suami bertindak sebagai ketua dalam keluarga, tetapi wanita tidak dilihat sebagai inferior kerana suami dan isteri lebih banyak memperlihatkan ciri-ciri equalitarian. Sifat inferior dalam keluarga hanya disebabkan perempuan yang tidak bekerja lebih banyak bergantung kepada suami, tetapi bagi wanita yang meningkat usia kadang kala mereka lebih superior daripada lelaki. Walaupun kuasa dan hak membuat keputusan berada di tangan suami, namun isteri masih diberi kuasa untuk

mengambil keputusan dalam beberapa perkara penting dalam keluarga terutama isteri yang telah meningkat usia.

Contoh kes:

Petang itu saya mendengar Tok Hawa berbincang dengan anak-anaknya tentang pembelian injin dan peralatan untuk perahu mereka. Walaupun si suami ada bersama ketika itu, tetapi beliau tidak menyertai perbincangan sebaliknya hanya mendengar, mengikut dan bersetuju dengan keputusan yang diambil oleh isteri dan anak-anaknya.

Isteri juga kadang kala bertindak menentang keputusan yang dibuat oleh suami, walau bagaimanapun isteri masih tidak dibenarkan melakukannya di khayal ramai (Bank; 1983: 96). Keputusan yang melibatkan kepentingan sesebuah keluarga dilakukan secara kolektif. Suami akan berbincang dan bertukar fikiran dengan isteri terlebih dahulu mengenai sebarang tindakan dan urusan keluarga. Tindakan dan keputusan yang dilakukan tanpa berbincang dengan isteri terlebih dahulu hanya akan menjadi bahan ungkitan di belakang hari, terutama apabila tindakan yang diambil adalah tindakan yang kurang bijak. Beberapa orang suami yang ditemui menyatakan bahawa mereka perlu bertolak ansur dalam membuat sebarang keputusan demi memastikan kerukunan rumah tangga dan mengelakkan perselisihan dengan isteri atau takut bising.

Isteri masih diberi hak untuk membuat keputusan terutama yang melibatkan hal-hal kepentingan domestik dan berkaitan dengan kewanitaan sahaja. Dalam hal ini isteri merupakan tenaga utama dalam keluarga. Hal ehwal rumah tangga diserahkan kepada isteri kerana tugas ini termasuk dalam bidang iktisad mereka dan mereka lebih arif dan tahu apa yang harus dilakukannya. Walau bagaimanapun isteri tidak berhak membuat keputusan ke atas sebarang perkara yang melibatkannya dengan individu lain di luar unit rumah tangga, meskipun dengan saudara maranya sendiri, sebelum terlebih dahulu bertanya dan mendapat kebenaran suami.

Tugas utama seorang isteri ialah mengurus dengan teliti segala hal yang berkaitan dengan rumah tangga. Mereka digelar orang rumah kerana menghabiskan masa di rumah untuk mengendali dan membuat keputusan tentang keperluan domestik, sosial, ekonomi dan fisiologi keluarga seperti melayan suami, menjaga anak, menyediakan makan minum, pakaian dan mengemas rumah. Isteri yang dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan adalah seorang isteri yang baik pada nilai-nilai masyarakat di sini. Walaupun tempat wanita adalah di rumah, mereka masih bebas untuk melakukan kunjungan ke rumah saudara mara dan jiran-jiran di dalam kampung tetapi tidak pula sehingga mengabaikan peranan utama di rumah. Pada

asasnya, isteri yang hendak keluar rumah mesti meminta izin daripada suami, tetapi daripada pemerhatian di tempat kajian, isteri hanya perlu memberitahu sahaja atau berpesan kepada anak-anak sekiranya suami tiada di rumah.

Isteri juga mempunyai pengaruh di dalam soal kawalan kewangan keluarga. Wang pendapatan suami dikendalikan oleh isteri sama ada untuk berbelanja atau menyimpan (Firth Rosemary; 1966: 27). Wang pendapatan suami diserah dan dikendalikan oleh isteri sama ada untuk membeli keperluan harian atau berbelanja (duit dapur) dan wang untuk perbelanjaan anak-anak ke sekolah (duit sekolah budak) atau untuk disimpan. Kebanyakan suami yang ditemui di tempat kajian tidak membawa wang ketika turun ke laut. Mereka menyimpan wang di rumah atau menyerahkan kepada isteri untuk disimpan tetapi bukan untuk dibelanjakan kerana wang perbelanjaan untuk keperluan rumah telah diserahkan oleh suami sebelum turun ke laut.

2.9 Hubungan Keluarga dengan Saudara Mara

Dalam sesebuah keluarga Melayu, hubungan tidak terhad hanya kepada hubungan dalam keluarga asas semata-mata. Dari segi hubungan kekeluargaan, masyarakat Melayu Pulau Tuba mementingkan pemeliharaan hubungan

keluarga walaupun sistem keluarga yang terbentuk ialah keluarga asas. Saudara mara bagi masyarakat yang dikaji ialah sesiapa sahaja yang mempunyai pertalian kekerabatan dan keturunan yang diikat oleh hubungan darah atau hubungan perkahwinan. Hubungan dengan saudara melalui darah dianggap seperti air, walaupun dicincang tetap tidak akan putus. Walaupun berlaku perselisihan faham sesama saudara, hanya umpama carik-carik bulu ayam, lambat laun akan bercantum kembali. Terdapat banyak kes yang membuktikan hakikat ini, antaranya ialah;

Contoh kes:

Baha, walaupun beliau membenci abangnya yang didakwa cuba membolot harta pesaka peninggalan ibu bapa mereka, namun apabila ditanya dia tetap mengakui abangnya sebagai saudara dan tidak sekali-kali membuang atau tidak mengakui abangnya sebagai saudara.

Hubungan ini menjadi lebih penting lagi jika dilihat dari struktur perwalian, iaitu penjaga yang bertanggungjawab ke atas sesuatu perkahwinan; larangan berkahwin, struktur perwarisan dan peranan sosial yang melibatkan tanggung jawab sesama saudara. Untuk memenuhi segala tuntutan tersebut, sesebuah keluarga Melayu menjalinkan hubungan yang baik dan semangat tolong menolong antara saudara. Adik beradik yang gagal menjalinkan hubungan yang baik dan semangat tolong menolong dianggap oleh masyarakat di

sini sebagai "tidak guna menjadi adik beradik". Seorang ahli keluarga perlu mengetahui siapa kaum kerabatnya sama ada di sebelah ibu atau di sebelah bapa, saudara dekat (adik beradik dekat), saudara jauh (adik beradik jauh) dan sesiapa sahaja yang mempunyai perhubungan kekerabatan dan keturunan dengannya.

Hubungan sosial di antara saudara mara diatur melalui sistem pangkat (ikut pangkat), iaitu status kerabat di dalam struktur hubungan anggota keluarga. Selain daripada menunjukkan hubungan keluarga dan kenyataan generasi, pangkat juga menunjukkan cara-cara berkelakuan yang sesuai bagi pangkat.

"Dengan mengetahui kedudukan atau pangkat tiap-tiap kerabat yang ditemui pada setiap hari, ego dapat melakukan peranan dan fungsinya dengan lebih mudah dan boleh menunjukkan segala tanggungjawab dan harapan yang dipinta oleh kerabat darinya dan dapat juga memiliki hak-hak yang diberikan kepadanya dan kehendaknya di dalam struktur perhubungan di antara kerabat."

(Zainal Kling; 1970: 139)

Hubungan sosial paling rapat di antara saudara mara terjalin berdasarkan jarak kekerabatan yang paling hampir walaupun jarak geografi yang jauh. Keadaan ini dilihat melalui aktiviti kunjung mengunjung dan mengambil berat terutama jika berlaku sakit demam, kematian atau kenduri.

Sebagai kesimpulannya, penghuraian tentang latar belakang etnografi seperti pendidikan, organisasi sosial, organisasi ekonomi dan organisasi keluarga dalam bab ini, bertujuan memperkenalkan kawasan kajian kepada pembaca dan secara tidak langsung dapat memberi gambaran umum kepada beberapa perkara yang akan dibincangkan dalam bab berikutnya. Latar belakang etnografi mempunyai pengaruh langsung terhadap pertumbuhan dan perkembangan anak-anak dan proses pembudayaan masyarakat Melayu di Pulau Tuba.